

Khidmat CEO MRT Corp disambung dua tahun



MRT CORP

Khidmat Shahril Mokhtar disambung dua tahun

Ms.B3

➔ Shahril terajui GLC pengangkutan sejak 2015

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Kerajaan menyambung kontrak perkhidmatan Ketua Pegawai Eksekutif Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp), Datuk Seri Shahril Mokhtar untuk tempoh dua tahun, iaitu sehingga 31 Disember 2018.

Pengerusi MRT Corp, Tan Sri Dr Ali Hamsa, berkata kerajaan mengiktiraf kepemimpinan Shahril dalam menguruskan MRT Corp dengan baik.

Beliau berkata, Shahril juga adalah aset dalam tempoh kritikal apabila Laluan MRT pertama, Laluan Sungai Buloh-Kajang (Laluan SBK) akan mula beroperasi.

“Kerajaan membuat keputusan bahawa kepemimpinan

berterusan Shahril dalam MRT Corp diperlukan untuk melihat kedua-dua fasa Laluan SBK mula beroperasi pada Disember tahun ini dan Julai tahun depan,” katanya dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Atasi cabaran

Ali yang juga Ketua Setiausaha Negara berkata, pembinaan Laluan MRT Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (Laluan SSP) akan rancak dalam tempoh beberapa tahun akan datang dan pengalaman Shahril adalah baik untuk memastikan cabaran yang dihadapi pada peringkat awal pembinaan diatasi.

Majlis pecah tanah bagi Laluan SSP itu dijadual diadakan pada akhir bulan ini.

Shahril menerajui MRT Corp pada 1 Januari 2015.



Shahril Mokhtar